



PPPn SELANGOR (ICU JPM) MEMO

Rujukan : UPP: PPPN.B/177/69/8/241/T() Tarikh : Nov.2017

PERKARA	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI PANGSAPURI GUGUSAN KANTAN 3, JALAN NURI 7/2, SEKSYEN 7 KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA, SELANGOR	
DARIPADA	Penolong Pengarah Ukur Bahan	SALINAN : - Y. Bhg. Dato' PKN - Unit Teknologi Maklumat
KEPADA	Ketua Penolong Pengarah Pengurusan	- Fail - Float

Puan,

Saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan iklan bagi projek di atas untuk tindakan tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.


(ISDAFARAH BINTI ISMAIL)
Penolong Pengarah (Ukur Bahan)



PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN NEGERI SELANGOR
UNIT PENYELARASAN PERLAKSANAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI (ICU JPM)
ARAS 5, 6, 7 & 8, MENARA UBSA,
PUSAT DAGANGAN UMNO SHAH ALAM,
PERSIARAN DAMAI, SEKSYEN 11,
40100 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : 03 - 55213600
Fax : 03 - 55100478

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI PANGSAPURI GUGUSAN KANTAN 3, JALAN NURI 7/2, SEKSYEN 7 KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA, SELANGOR

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor bertaraf **Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor dan memiliki **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** serta Perakuan Pendaftaran :
GRED : G2
KATEGORI : B CE
PENGKHUSUSAN : B04 CE21
dan yang masih dibenarkan menyertai sebutharga ini.
2. Lawatan tapak akan diadakan pada **24 Januari 2018 (Rabu)** di tapak projek pada pukul **9:00 Pagi** Penyebutharga mesti membawa sijil **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**, **Sijil Taraf Bumiputera** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** (ASAL dan SALINAN). **HANYA PENAMA DI DALAM CIDB DAN SPKK SAHAJA BOLEH MENGHADIRI LAWATAN TAPAK DAN TIDAK BOLEH MEWAKILKAN PEGAWAI LAIN SELAIN DARIPADA PENAMA YANG DIBENARKAN DALAM CIDB DAN SPKK.**
3. Hanya penyebutharga yang menghadiri lawatan tapak dibenarkan mendapatkan dokumen sebutharga. Borang sebutharga boleh diperolehi mulai **25 Januari 2018 (Khamis)** di Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor, Aras 7, Menara UBSA, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam, Persiaran Damai, Seksyen 11, 40100 Shah Alam, Selangor dengan membawa sijil **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**, **Sijil Taraf Bumiputera** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** (ASAL dan SALINAN). Wakil kontraktor mestilah membawa **Surat Wakil Kuasa**.
4. Semua borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan bersama **salinan pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**, **Sijil Taraf Bumiputera** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang ditandakan **"PPPNS/PETALING/(06)/2018/(12)"** disudut atas sebelah kiri sampul surat tersebut dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor di Tingkat 5** sebelum tarikh dan masa tawaran ditutup.
5. Sebutharga mestilah sampai dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor Tingkat 5**, sebelum atau selewat-lewatnya jam **12.00** tengah hari pada **5 Februari 2018 (Isnin)**.
6. Kerajaan tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau pun terikat kepada mana-mana sebutharga.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,


(KHAIRULZAMAN BIN HJ.SAAD)

Ketua Penolong Pengarah Kanan (Teknikal)

b.p. Pegawai Kemajuan Negeri Selangor

Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor

Tarikh : 10 Januari 2018